



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**LAYANAN CUKAI BAGI  
SYARIKAT MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA**

**KETETAPAN UMUM NO. 8/2025**

**TARIKH PENERBITAN: 22 DISEMBER 2025**

Diterbitkan oleh  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2025 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

| <b>KANDUNGAN</b>                                                                 | <b>Muka surat</b> |
|----------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1. Objektif                                                                      | 1                 |
| 2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan                                            | 1                 |
| 3. Tafsiran                                                                      | 1                 |
| 4. Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana Secara Umum                             | 2                 |
| 5. Syarikat Mikro, Kecil dan Sederhana di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) | 4                 |
| 6. Layanan Cukai Khusus bagi Syarikat Mikro, Kecil dan Sederhana                 | 17                |
| 7. Penafian                                                                      | 26                |

#### **KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

## 1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan kriteria dan layanan cukai secara khusus bagi syarikat tertentu di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP). Syarikat tertentu dalam KU ini merujuk kepada syarikat mikro, kecil dan sederhana (SMKS) termasuk perkongsian liabiliti terhad (PLT). Peruntukan umum bagi syarikat dan PLT di bawah ACP atau peruntukan khusus di bawah ACP atau peraturan-peraturan yang ditetapkan bagi syarikat dan PLT dalam industri tertentu yang menjalankan aktiviti seperti perbankan, insurans/takaful, pemaju dan kontraktor adalah terpakai sekiranya berkaitan.

## 2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1. KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2. Peruntukan yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 6D, 107C, Jadual 1 dan Jadual 3 ACP.
- 2.3. Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah seperti berikut:
  - (a) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 2019 [*P.U.(A) 163/2019*];
  - (b) Perintah Cukai Pendapatan (Syarat bagi Pemberian Rebat di bawah subseksyen 6D(4)) 2021 [*P.U.(A) 504/2021*]; dan
  - (c) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Pemeliharaan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus) 2025 [*P.U.(A) 193/2025*].

## 3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1. “Amanah perniagaan” mempunyai maksud yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*].
- 3.2. “Individu” bermaksud orang biasa.
- 3.3. “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.

- 3.4. "Pemastautin" bermaksud bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran menurut seksyen 8 ACP.
- 3.5. "Pendapatan berkanun" berhubung dengan seseorang, suatu punca dan suatu tahun taksiran, bermaksud pendapatan berkanun yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.6. "Pendapatan kasar" bagi seseorang daripada suatu punca bagi suatu tempoh asas suatu tahun taksiran adalah pendapatan kasar seperti yang ditentukan mengikut seksyen 22 ACP.
- 3.7. "Pendapatan yang boleh dikenakan cukai" berhubung dengan seseorang dan suatu tahun taksiran, bermaksud pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.8. "Perkongsian liabiliti terhad" bermaksud PLT yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (APLT) [Akta 743].
- 3.9. "Perniagaan" termasuk profesion, kerjaya dan perdagangan dan setiap pengilangan, usaha atau urusan yang bercorak perdagangan, tetapi tidak termasuk penggajian.
- 3.10. "Punca" bermaksud suatu punca pendapatan.
- 3.11. "Syarikat" bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuk mana-mana kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang suatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.
- 3.12. "Tahun taksiran" tertakluk kepada subseksyen 2(5) ACP bermaksud tahun kalendar.
- 3.13. "Tempoh asas" berhubung dengan syarikat dan PLT, suatu punca baginya dan suatu tahun taksiran, bermaksud suatu tempoh asas, sekiranya ada, seperti yang ditentukan mengikut seksyen 21A ACP.

#### **4. Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana Secara Umum**

- 4.1. Majlis Pembangunan Usahawan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan (MPUPKSK) adalah badan pembuat dasar tertinggi dengan fungsi strategiknya yang merangkumi pembangunan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) secara menyeluruh dan terselaras merentasi kesemua sektor ekonomi di Malaysia sejak 2004. MPUPKSK ditubuhkan di bawah seksyen 2A Akta Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia 1995 [Akta 539].

Manakala Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corporation Malaysia) berperanan sebagai agensi penyelarasan pusat di bawah Kementerian Pembangunan dan Koperasi yang bertanggungjawab menyelaraskan dan menerajui pelaksanaan program pembangunan PMKS yang progresif bagi meningkatkan penciptaan kemakmuran dan kesejahteraan sosial negara.

- 4.2. Definisi PMKS atau biasanya dikenali dengan singkatan MSME (*micro, small and medium enterprises*) mengikut Garis Panduan bagi Definisi PKS dikeluarkan oleh SME Corp. Malaysia yang telah diperkemas mulai 1.1.2014 berikutan perkembangan ekonomi global seperti inflasi harga, perubahan struktur dan perubahan dalam aliran perniagaan seperti berikut:

| Saiz Operasi<br>Sektor              |                                                                                                     |                                                                                                                                                      |                                                                                                                                                      |
|-------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                     | Mikro                                                                                               | Kecil                                                                                                                                                | Sederhana                                                                                                                                            |
| Pembuatan                           | Jualan tahunan kurang daripada RM300,000 atau bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang | Jualan tahunan daripada RM300,000 sehingga kurang daripada RM15 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa daripada 5 sehingga kurang daripada 75 orang | Jualan tahunan daripada RM15 juta sehingga tidak melebihi RM50 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa daripada 75 sehingga tidak melebihi 200 orang |
| Perkhidmatan dan Sektor-Sektor Lain |                                                                                                     | Jualan tahunan daripada RM300,000 sehingga kurang daripada RM3 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa daripada 5 sehingga kurang daripada 30 orang  | Jualan tahunan daripada RM3 juta sehingga tidak melebihi RM20 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa daripada 30 sehingga tidak melebihi 75 orang   |

**Jadual 1: Definisi PMKS Berdasarkan Saiz Operasi**

Suatu perniagaan layak dikategorikan sebagai PMKS berdasarkan saiz operasi yang lebih rendah sekiranya memenuhi salah satu syarat sama ada jualan atau jumlah pekerja seperti dinyatakan dalam Jadual 1.

- 4.3. Selain daripada kriteria kelayakan pada perenggan 4.2 KU ini, PMKS juga dikehendaki memenuhi dua kelayakan tambahan iaitu:

4.3.1. Jenis penubuhan

Entiti perniagaan yang wujud dan didaftarkan dengan badan berikut:

- (a) Suruhanjaya Syarikat Malaysia, sama ada di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777], Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197], atau APLT;
- (b) pihak berkuasa atau pejabat daerah di Sabah dan Sarawak; atau
- (c) badan berkanun bagi pembekal perkhidmatan profesional.

4.3.2. Struktur pemegangan syer

Entiti perniagaan boleh dianggap sebagai PMKS kecuali:

- (a) syarikat tersenarai awam di pasaran utama Bursa Malaysia dan subsidiarinya; atau
- (b) subsidiari kepada syarikat multinasional, syarikat berkaitan kerajaan, syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan perusahaan milik negeri.

**5. Syarikat Mikro, Kecil dan Sederhana di bawah ACP**

- 5.1. ACP tidak mempunyai definisi bagi PMKS tetapi ACP memperuntukkan layanan cukai khusus bagi SMKS.
- 5.2. Bagi maksud KU ini, SMKS terdiri daripada syarikat termasuk PLT yang bermastautin dan diperbadankan (bagi syarikat) atau didaftarkan (bagi PLT) di Malaysia.

Untuk maklumat lanjut berkaitan pencukaian PLT secara umum, rujukan boleh dibuat kepada KU No. 8/2022 bertajuk "Pencukaian Perkongsian Liabiliti Terhad" yang boleh didapati daripada portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menerusi [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my).

- 5.3. Selain daripada kriteria SMKS pada perenggan 5.2 KU ini, suatu syarikat dan PLT hendaklah:

- 5.3.1. Memiliki modal berbayar syer biasa tidak melebihi RM2.5 juta bagi syarikat atau sumbangan modal tidak melebihi RM2.5 juta bagi PLT pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran (TT).

**Contoh 1**

Sirius Alpha Sdn Bhd (SASB) merupakan syarikat yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia pada 14.6.2021. Pada permulaan tempoh asas bagi TT 2022, SASB memiliki modal berbayar syer biasa berjumlah RM2 juta.

SASB merupakan SMKS di bawah ACP kerana memiliki modal berbayar syer biasa tidak melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi suatu TT.

**Contoh 2**

Canopus PLT (CPLT) merupakan PLT yang bermastautin dan didaftarkan di bawah APLT. CPLT mula beroperasi pada 1.7.2021 dan tempoh kewangan CPLT berakhir pada 30.6.2022. Pada permulaan tempoh asas bagi TT 2022, CPLT memiliki sumbangan modal berjumlah RM3 juta.

CPLT tidak dianggap sebagai SMKS di bawah ACP kerana memiliki sumbangan modal melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi suatu TT.

- 5.3.2. Mempunyai pendapatan kasar yang terdiri daripada punca atau punca-punca perniagaan yang tidak melebihi RM50 juta dalam tempoh asas bagi suatu TT.
- (a) Secara umum, pendapatan kasar daripada punca atau punca-punca perniagaan adalah pendapatan yang terbit daripada punca itu bagi tempoh asas tersebut sebelum apa-apa potongan.
  - (b) Senario bagi menentukan suatu syarikat dan PLT mempunyai pendapatan kasar daripada punca atau punca-punca perniagaan adalah seperti berikut:
    - (i) pendapatan kasar adalah daripada punca perniagaan sahaja;

### **Contoh 3**

Acturus Synergy Sdn Bhd (ASSB) ialah sebuah syarikat pemastautin dan diperbadankan di Malaysia pada 15.3.2020. Pada permulaan tempoh asas bagi TT 2022, ASSB mempunyai modal saham biasa berbayar sebanyak RM2.4 juta.

ASSB menjalankan perniagaan pembersihan bangunan. Selain itu, ASSB memiliki sebuah bangunan pejabat lapan (8) tingkat yang terdiri daripada 80 unit. Kesemua unit telah disewakan kepada beberapa penyewa. ASSB menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan lif, perkhidmatan kawalan keselamatan dan penyaman udara berpusat. Pada TT 2022, ASSB gagal memperoleh tender bagi kerja pembersihan bangunan dan tiada pendapatan kasar perniagaan pembersihan bangunan dilaporkan. Namun, ASSB menerima pendapatan kasar sewa bagi TT 2022 berjumlah RM24 juta.

Walaupun ASSB tiada pendapatan kasar daripada punca perniagaan pembersihan bangunan, pendapatan sewa berjumlah RM24 juta bagi unit-unit bangunan pejabat yang dimiliki adalah punca perniagaan di bawah perenggan 4(a) ACP kerana ASSB menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan atau perkhidmatan sokongan secara komprehensif dan aktif.

ASSB dianggap mempunyai pendapatan kasar perniagaan sewa dalam penentuan pendapatan kasar daripada punca perniagaan bagi TT 2022.

### **Contoh 4**

Vega PLT (VPLT) ialah sebuah syarikat pemastautin dan diperbadankan di Malaysia pada 1.2.2023. Pada permulaan tempoh asas untuk TT 2023, VPLT mempunyai modal saham biasa berbayar sebanyak RM1.5 juta.

VPLT memiliki dua (2) unit bangunan rumah kedai dua tingkat dan menyewakan unit-unit tersebut. Dalam TT 2023, VPLT hanya menyediakan pengawal keselamatan tetapi tidak menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan dan pembersihan ke atas unit yang disewakannya. VPLT juga menyimpan lebih tunai daripada kutipan sewa ke dalam simpanan tetap di bank.

VPLT tidak mempunyai pendapatan kasar daripada punca perniagaan sewa kerana VPLT tidak menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan dan perkhidmatan sokongan secara komprehensif dan aktif. Manakala faedah yang diterima oleh VPLT daripada simpanan tetap juga bukan merupakan pendapatan kasar daripada punca perniagaan. Pendapatan sewa dan faedah yang diterima oleh VPLT masing-masing adalah pendapatan di bawah perenggan 4(d) dan 4(c) ACP. Oleh yang demikian, VPLT tidak mempunyai pendapatan kasar perniagaan dalam penentuan pendapatan kasar daripada punca perniagaan bagi TT 2023 dan tidak memenuhi syarat sebagai SMKS.

- (ii) tiada pendapatan perniagaan kerana kerugian;

#### Contoh 5

Lyra Partners PLT (LPLT) ialah sebuah syarikat pemastautin dan diperbadankan di Malaysia pada 10.1.2024. Pada permulaan tempoh asas bagi TT 2024, LPLT mempunyai modal saham biasa berbayar sebanyak RM1.8 juta.

Pada TT 2024, LPLT menjalankan perniagaan pengurusan acara yang mengalami kerugian RM5 juta. Jumlah perolehan bagi perniagaan ialah RM23 juta pada 2024. Di samping itu, LPLT meletakkan lebihan tunai dalam simpanan tetap dan memperoleh pendapatan faedah sebanyak RM1 juta.

Pendapatan faedah dikenakan cukai di bawah perenggan 4(c) ACP.

LPLT dianggap mempunyai pendapatan kasar daripada punca perniagaan bersamaan dengan sifar dalam menentukan pendapatan kasar daripada punca perniagaan bagi TT 2024 walaupun perniagaan pengurusan acara mencatatkan kerugian RM5 juta.

- (iii) tiada pendapatan perniagaan kerana berhenti beroperasi sementara;

### **Contoh 6**

Orionis Bakery Sdn Bhd (OBSB) merupakan pengusaha kafe dan pastri sejak tahun 2017. Pada tahun 2021, operasi perniagaan dihentikan selama 9 bulan akibat daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan berikutan wabak Covid-19. Perniagaan OBSB mengalami kerugian kerana perbelanjaan berkaitan perniagaan seperti gaji pekerja, bil utiliti dan penyelenggaraan serta sewa premis kafe masih perlu dibayar. Perbelanjaan yang dilakukan adalah perbelanjaan yang dibenarkan di bawah subseksyen 33(1) ACP dan tidak dihalang oleh seksyen 39 ACP.

OBSB dianggap mempunyai pendapatan kasar daripada punca perniagaan bersamaan dengan sifar dalam penentuan pendapatan kasar daripada punca perniagaan dan memenuhi syarat tidak melebihi ambang RM50 juta.

- (iv) mempunyai pendapatan kasar daripada punca perniagaan luar negara;

Sekiranya syarikat dan PLT mempunyai pendapatan perniagaan luar negara yang dibawa masuk ke Malaysia, pendapatan tersebut hendaklah diambil kira dalam penentuan pendapatan kasar daripada punca perniagaan.

- (v) mempunyai pendapatan kasar punca perniagaan tetapi menikmati galakan cukai;

### **Contoh 7**

Procyon Intech Sdn Bhd (PISB) telah diluluskan galakan taraf perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanun bagi tempoh 5 tahun pada 14.7.2019 di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [Akta 327]. Tempoh galakan lima (5) tahun bermula pada 1.1.2020 dan berakhir pada 31.12.2024. Tempoh kewangan PISB berakhir 31 Disember. PISB melaporkan pendapatan kasar perniagaan pada TT 2020 berjumlah RM49 juta.

Walaupun pendapatan berkanun PISB telah dikecualikan sepenuhnya, pendapatan kasar perniagaan PISB

sebanyak RM49 juta hendaklah diambil kira dalam menentukan pendapatan kasar perniagaan.

- (vi) merupakan syarikat pemegang pelaburan yang tersenarai di Bursa Malaysia.

#### Contoh 8

Antares Holding Bhd (AHB) adalah suatu syarikat pemegang pelaburan (SPP) yang tersenarai di Bursa Malaysia sejak 13.6.2009. Tempoh kewangan AHB berakhir 31 Disember. Bagi TT 2020, pendapatan kasar yang diterima oleh AHB adalah dividen satu peringkat dan faedah yang keseluruhannya berjumlah RM44 juta.

Tertakluk di bawah seksyen 60FA ACP, pendapatan dividen satu peringkat dan faedah yang diperoleh daripada pemegangan pelaburan oleh AHB bagi TT 2020 ditaksir sebagai punca perniagaan yang berasingan di bawah perenggan 4(a) ACP. AHB iaitu SPP yang tersenarai dianggap mempunyai pendapatan kasar daripada punca perniagaan.

#### Contoh 9

Fakta adalah sama seperti **Contoh 8** kecuali AHB telah dinyahsenarai mulai 17.8.2022 daripada Bursa Malaysia atas sebab-sebab tertentu.

Walaupun AHB telah tidak tersenarai di Bursa Malaysia mulai 17.8.2022, AHB masih lagi dianggap SPP tersenarai bagi TT 2022 dan seksyen 60FA ACP adalah terpakai kepada syarikat itu bagi TT tersebut. Namun, mulai TT 2023 AHB dianggap tidak mempunyai pendapatan kasar daripada punca perniagaan kerana pengenaan cukai AHB adalah tertakluk di bawah seksyen 60F ACP.

- 5.3.3. Mempunyai sekatan pemegangan modal berbayar syer biasa syarikat atau sumbangan modal PLT.

- (a) Tidak terpakai kepada syarikat dan PLT jika lebih daripada:

- (i) 50% modal berbayar syer biasa syarikat atau sumbangan modal PLT dimiliki atau disumbang secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat berkaitan;

**Contoh 10**



**Carta 1: Pemegangan Modal Berbayar Syer Biasa oleh AB**


Peratusan (%) pemegangan modal berbayar syer biasa oleh AB sama ada secara langsung atau tidak langsung ditentukan dalam Jadual 2 seperti berikut:

| Hubungan dengan Syarikat | Pemegangan Modal Berbayar Syer Biasa    | Kelayakan sebagai SMKS |
|--------------------------|-----------------------------------------|------------------------|
| AB & BSB                 | 70% secara langsung                     | BSB bukan SMKS         |
| AB & CSB                 | 56% = (70% x 80%) secara tidak langsung | CSB bukan SMKS         |

**Jadual 2: Peratusan (%) Pemegangan Modal Berbayar Syer Biasa oleh AB**

- (ii) 50% modal berbayar syer biasa syarikat berkaitan dimiliki atau disumbang secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat atau PLT; atau

**Contoh 11**



**Carta 2: Sumbangan Modal dan Pemegangan Modal Berbayar Syer Biasa dalam FSB**


Peratusan (%) sumbangan modal dan pemegangan modal berbayar syer biasa dalam FSB sama ada secara langsung atau tidak langsung ditentukan dalam Jadual 3 seperti berikut:

| Hubungan dengan Syarikat atau PLT | Sumbangan Modal dan Pemegangan Modal Berbayar Syer Biasa | Kelayakan sebagai SMKS |
|-----------------------------------|----------------------------------------------------------|------------------------|
| EPLT & FSB                        | 60% secara langsung                                      | EPLT bukan SMKS        |
| DPLT & FSB                        | 54% = (90% x 60%) secara tidak langsung                  | DPLT bukan SMKS        |

**Jadual 3: Peratusan (%) Sumbangan Modal dan Pemegangan Modal Berbayar Syer Biasa dalam FSB**

- (iii) 50% modal berbayar syer biasa syarikat atau sumbangan modal PLT **dan** 50% modal berbayar syer biasa syarikat berkaitan dimiliki atau disumbang secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat lain.

**Contoh 12**



**Carta 3: Pemegangan Modal Berbayar Syer Biasa dan Sumbangan Modal oleh GSB**

| <b>Hubungan dengan Syarikat atau PLT</b> | <b>Sumbangan Modal dan Pemegangan Modal Berbayar Syer Biasa</b> | <b>Kelayakan sebagai SMKS</b> |
|------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------|-------------------------------|
| HSB                                      | 90% secara langsung                                             | ISB bukan SMKS                |
| ISB                                      | 60% secara langsung                                             |                               |
| HSB                                      | 90% secara langsung                                             | JPLT adalah SMKS              |
| JPLT                                     | 48% = (60% x 80%)<br>secara tidak langsung                      |                               |
| HSB                                      | 90% secara langsung                                             | KSB adalah SMKS               |
| KSB                                      | 33.6% = (60% x 80% x 70%)<br>secara tidak langsung              |                               |

**Jadual 4: Peratusan (%) Pemegangan Modal Berbayar Syer Biasa dan Sumbangan Modal oleh GSB**

Bagi maksud perenggan 5.3.3(a)(i), (ii) dan (iii) dalam KU ini:

- (A) syarikat berkaitan yang dirujuk adalah suatu syarikat yang mempunyai modal berbayar syer biasa melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi suatu TT;
- (B) kriteria pendapatan kasar punca perniagaan tidak melebihi RM50 juta yang dinyatakan pada perenggan 5.3.2 KU ini tidak melibatkan syarikat berkaitan;
- (C) pemilikan modal berbayar syer biasa atau sumbangan modal secara langsung atau tidak langsung hendaklah ditentukan sehingga ke peringkat syarikat pemegangan muktamad; dan
- (D) sebelum TT 2024, tiada sekatan sama ada syarikat atau PLT adalah milikan tempatan atau milikan asing sekiranya memenuhi syarat yang ditetapkan.

### Contoh 13


Global Vision Sdn Bhd (GVSB) ialah syarikat bermastautin dan diperbadankan di Malaysia. Tempoh kewangan GVSB berakhir 31 Disember.

GVSB mempunyai modal berbayar syer biasa bernilai RM2.5 juta. GVSB dimiliki sepenuhnya oleh Energy Vision Pte Ltd (EVPL) yang diperbadankan di Singapura dengan modal berbayar syer biasa SGD700,000 iaitu kurang daripada RM2.5 juta, selepas mengambil kira kadar tukaran asing yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada 1.1.2022. Bagi TT 2022, GVSB melaporkan pendapatan kasar perniagaan berjumlah RM47 juta.

GVSB mematuhi kriteria pemegangan modal berbayar syer biasa oleh EVPL secara langsung kerana modal berbayar syer biasa EVPL tidak melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi suatu TT. Ini tanpa mengira sama ada EVPL adalah syarikat tempatan atau milikan asing.

- (b) Kriteria pada perenggan 5.3.3(a) KU ini ditambah baik mulai TT 2024 dengan syarat tambahan iaitu tidak boleh lebih daripada 20% modal berbayar syer biasa syarikat atau sumbangan modal PLT dimiliki atau disumbang secara langsung atau tidak langsung oleh sekurang-kurangnya:
  - (i) satu syarikat asing yang diperbadankan di luar Malaysia; atau
  - (ii) seorang individu yang bukan warganegara Malaysia.

#### Contoh 14




**Carta 4: Sumbangan Modal dan Pemegangan Modal Berbayar Syer Biasa dalam VPLT**

Berdasarkan Carta 4 di atas, VPLT dipegang secara langsung oleh Encik Johann Merkel sebanyak 30% dan secara tidak langsung melalui STSB-sebanyak 28% ( $40\% \times 70\%$ ).

Sumbangan modal dan pemegangan modal berbayar syer biasa dalam VPLT adalah 58% ( $30\% + 28\%$ ) melebihi kriteria sekatan 20% dipegang secara langsung dan tidak langsung oleh Encik Johann Merkel iaitu individu bukan warganegara Malaysia. Oleh itu, VPLT bukan SMKS.

### Contoh 15



### Carta 5: Pemegangan Modal Berbayar Syer Biasa dalam FSB

Berdasarkan Carta 5 di atas, FSB dipegang 100% secara langsung oleh MPL bagi TT 2024.

FSB tidak mematuhi kriteria sekatan 20% kerana 100% modal berbayar syer biasa FSB dipegang secara langsung oleh MPL yang diperbadankan di luar Malaysia, walaupun pemegang saham muktamad iaitu Encik Rizal Hadi dan Encik Jeffrey Soo kedua-duanya merupakan warganegara Malaysia. Oleh itu, FSB bukan SMKS.

### Contoh 16

Fakta adalah seperti dalam **Contoh 15** kecuali MPL memegang 20% modal berbayar syer biasa FSB.

FSB mematuhi kriteria sekatan 20% kerana modal berbayar syer biasa FSB dipegang secara langsung oleh MPL sebanyak 20% iaitu tidak melebihi 20% dan modal berbayar syer biasa MPL tidak melebihi RM2.5 juta selepas mengambil kira kadar tukaran asing yang ditetapkan oleh BNM pada permulaan tempoh asas bagi TT 2024. Oleh itu, FSB merupakan SMKS.

## **6. Layanan Cukai Khusus bagi Syarikat Mikro, Kecil dan Sederhana**

### **6.1. Pengenaan cukai**

- 6.1.1. SMKS adalah tertakluk kepada cukai pendapatan di bawah seksyen 3 ACP sekiranya SMKS menerima pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang terakru di dalam atau diperolehi dari Malaysia atau diterima di Malaysia dari luar Malaysia. Oleh itu, mana-mana peruntukan dalam ACP, perintah pengecualian cukai pendapatan dan kaedah-kaedah cukai pendapatan hendaklah terpakai kepada SMKS yang merupakan suatu syarikat atau PLT.
- 6.1.2. ACP telah memperuntukkan layanan cukai khusus bagi SMKS tertakluk kepada kriteria iaitu taraf mastautin, pemerbadanan syarikat atau pendaftaran PLT, pemilikan modal berbayar syer biasa atau sumbangan modal, nilai ambang pendapatan kasar daripada punca perniagaan dan sekatan pemegangan modal berbayar syer biasa atau sumbangan modal.
- 6.1.3. Walau bagaimanapun, terdapat layanan cukai khusus yang tidak menetapkan kesemua kriteria SMKS seperti dinyatakan pada perenggan 5 KU ini.

### **6.2. Kadar cukai istimewa**

- 6.2.1. Umumnya, cukai pendapatan dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai syarikat dan PLT pada kadar 24%. Walau bagaimanapun, syarikat dan PLT layak menikmati kadar cukai istimewa yang lebih rendah sekiranya memenuhi kriteria berikut:
  - (a) bermastautin dan diperbadankan (bagi syarikat) atau didaftarkan (bagi PLT) di Malaysia;
  - (b) memiliki modal berbayar syer biasa tidak melebihi RM2.5 juta bagi syarikat atau sumbangan modal tidak melebihi RM2.5 juta bagi PLT pada permulaan tempoh asas bagi TT;
  - (c) mempunyai pendapatan kasar yang terdiri daripada punca atau punca-punca perniagaan yang tidak melebihi RM50 juta dalam tempoh asas bagi suatu TT; dan
  - (d) mempunyai sekatan pemegangan modal berbayar biasa syer syarikat atau sumbangan modal PLT. Walau bagaimanapun, mulai TT 2024, syarikat atau PLT yang dimiliki lebih daripada 20% modal berbayar syer biasa syarikat atau sumbangan modal PLT pada permulaan tempoh asas bagi TT secara langsung atau tidak langsung oleh satu atau lebih syarikat

asing yang diperbadankan di luar Malaysia atau oleh satu atau lebih individu yang bukan warganegara Malaysia, tidak layak menikmati kadar cukai istimewa ini.

6.2.2. Kadar cukai istimewa yang boleh dikenakan kepada syarikat dan PLT yang layak adalah seperti Jadual 5 berikut:

| Pendapatan Bercukai         | Kadar Cukai Istimewa bagi Syarikat dan PLT |         |                        |               |
|-----------------------------|--------------------------------------------|---------|------------------------|---------------|
|                             | TT 2017 hingga TT 2018                     | TT 2019 | TT 2020 hingga TT 2022 | Mulai TT 2023 |
| Bagi RM500,000 yang pertama | 18%                                        | 17%     |                        |               |
| Melebihi RM500,000          | 24%                                        | 24%     |                        |               |
| Bagi RM600,000 yang pertama |                                            |         | 17%                    |               |
| Melebihi RM600,000          |                                            |         | 24%                    |               |
| Bagi RM150,000 yang pertama |                                            |         |                        | 15%           |
| RM150,001 hingga RM600,000  |                                            |         |                        | 17%           |
| Melebihi RM600,000          |                                            |         |                        | 24%           |

**Jadual 5: Kadar Cukai Istimewa bagi Syarikat dan PLT**

6.2.3. Kadar cukai istimewa tidak terpakai kepada:

- (a) suatu amanah perniagaan; atau
- (b) suatu syarikat bermaksud khas yang ditubuhkan bagi penerbitan sekuriti berdasarkan aset dalam transaksi pensekuritian yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti

walaupun ia mempunyai sumbangan modal atau modal berbayar syer biasa tidak melebihi RM2.5 juta dan pendapatan kasar bagi punca perniagaan tidak melebihi RM50 juta.

**6.3. Elaun khas bagi aset bernilai kecil**

6.3.1. Syarikat dan PLT boleh menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil bagi aset yang bernilai RM2,000 bagi setiap aset dan terhad kepada RM20,000 bagi setiap TT. Layanan cukai ini berkuat kuasa mulai TT 2020.

6.3.2. Syarikat SMKS layak untuk menuntut sepenuhnya elaun khas bagi aset bernilai kecil tanpa had jika syarikat memenuhi kriteria berikut:

- (a) bermastautin dan diperbadankan di Malaysia;
- (b) memiliki modal berbayar syer biasa tidak melebihi RM2.5 juta bagi syarikat pada permulaan tempoh asas bagi suatu TT;
- (c) mempunyai pendapatan kasar yang terdiri daripada punca atau punca-punca perniagaan yang tidak melebihi RM50 juta dalam tempoh asas bagi suatu TT; dan
- (d) mempunyai sekatan pemegangan modal berbayar biasa syer syarikat. Walau bagaimanapun, mulai TT 2024, syarikat yang dimiliki lebih daripada 20% modal berbayar syer biasa syarikat pada permulaan tempoh asas bagi TT secara langsung atau tidak langsung oleh satu atau lebih syarikat asing yang diperbadankan di luar Malaysia atau oleh satu atau lebih individu yang bukan warganegara Malaysia, tidak layak menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil tanpa had.

6.3.3. Ringkasan nilai bagi setiap aset bernilai kecil dan had maksimum perbelanjaan loji yang layak (PLYL) yang boleh dituntut sebagai elaun khas oleh SMKS adalah seperti Jadual 6 berikut:

| Layanan Cukai                                                   | Mulai TT 2020          |
|-----------------------------------------------------------------|------------------------|
| Nilai bagi setiap aset bernilai kecil boleh dituntut            | Tidak melebihi RM2,000 |
| Had maksimum PLYL bagi elaun khas boleh dituntut bagi setiap TT | Tiada had              |

**Jadual 6: Kelayakan Tuntutan Elaun Khas bagi Aset Bernilai Kecil**

6.3.4. Elaun khas bagi aset bernilai kecil tanpa had ini tidak layak dituntut oleh:

- (a) suatu PLT;

- (b) suatu amanah perniagaan; atau
- (c) suatu syarikat bermaksud khas yang ditubuhkan bagi penerbitan sekuriti berdasarkan aset dalam transaksi pensekuritan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti

walaupun ia mempunyai sumbangan modal atau modal berbayar syer biasa tidak melebihi RM2.5 juta dan pendapatan kasar bagi punca perniagaan tidak melebihi RM50 juta.

- 6.3.5. KU No. 3/2021 bertajuk "Elaun Khas bagi Aset Bernilai Kecil" boleh dirujuk bagi penerangan terperinci berhubung tuntutan elaun khas bagi aset bernilai kecil yang boleh didapati daripada portal rasmi LHDNM menerusi [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my).

**6.4. Galakan elaun peningkatan eksport**

- 6.4.1. Galakan ini mengecualikan cukai pada peringkat pendapatan berkanun berdasarkan nilai peningkatan eksport bergantung kepada:

- (a) jenis eksport sama ada eksport bagi hasil pertanian atau keluaran daripada pengilangan; dan
- (b) komponen nilai tambah barangan yang dieksport.

Pengecualian cukai pendapatan adalah sehingga 70% ke atas pendapatan berkanun perniagaan syarikat bagi TT yang berkaitan. Tempoh pengecualian diberi bagi TT 2016 hingga TT 2020.

- 6.4.2. Kriteria kelayakan bagi tuntutan elaun peningkatan eksport adalah:

- (a) syarikat yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia dan tidak terpakai kepada PLT;
- (b) syarikat yang mempunyai modal berbayar syer biasa tidak melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi suatu TT; dan
- (c) syarikat yang mengeluarkan hasil pertanian atau mengilang keluaran pengilangan dan mencapai nilai peningkatan eksport yang ditetapkan.

- 6.4.3. Maklumat lanjut berhubung skop hasil pertanian atau keluaran daripada pengilangan, mekanisme tuntutan dan kriteria tambahan, boleh dirujuk dalam Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.7) 2019 [P.U.(A) 163/2019].

**6.5. Rebat cukai bagi penubuhan dan operasi**

- 6.5.1. Syarikat dan PLT layak mendapat rebat cukai mulai TT 2021. Rebat cukai ini boleh dituntut untuk tempoh tiga (3) TT berturut-turut mulai TT pertama syarikat dan PLT yang layak itu memulakan operasi perniagaannya.
- 6.5.2. Tuntutan rebat cukai yang layak adalah bersamaan dengan perbelanjaan operasi dan/atau perbelanjaan modal yang dilakukan oleh syarikat dan PLT tetapi terhad kepada RM20,000 bagi setiap TT.
- 6.5.3. Kriteria kelayakan syarikat dan PLT untuk tuntutan rebat cukai bagi setiap TT adalah seperti berikut:
- (a) bermastautin dan diperbadankan (bagi syarikat) atau didaftarkan (bagi PLT) di Malaysia;
  - (b) mempunyai modal berbayar syer biasa atau sumbangan modal (sama ada dalam bentuk tunai atau barangan) tidak melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas;
  - (c) mempunyai pendapatan kasar daripada semua punca perniagaan tidak melebihi RM50 juta dalam tempoh asas tersebut; dan
  - (d) memulakan operasi<sup>(1)</sup> pada atau selepas 1 Julai 2020 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2022.

Syarikat dan PLT yang layak hendaklah mematuhi syarat-syarat tambahan yang diperuntukkan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Syarat bagi Pemberian Rebat di bawah subseksyen 6D(4)) 2021 [P.U.(A) 504/2021] bagi suatu TT seperti berikut:

- (a) tidak boleh memiliki atau dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat atau PLT berkaitan<sup>(2)</sup> yang mempunyai modal berbayar syer biasa atau sumbangan modal melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas tersebut;
- (b) menjalankan operasi yang layak:
  - (i) di premis yang berlainan daripada syarikat atau PLT berkaitannya<sup>(2)</sup>;
  - (ii) yang berlainan daripada syarikat atau PLT berkaitannya<sup>(2)</sup>;

- (iii) yang berlainan daripada suatu pemilikan tunggal sekiranya pemilikan tunggal itu ditukar kepada syarikat atau PLT
- (c) tidak boleh menggunakan loji, peralatan dan fasiliti yang dimiliki oleh syarikat atau PLT berkaitannya<sup>(2)</sup> atau yang telah dilupuskan kepada syarikat dan PLT oleh syarikat atau PLT berkaitannya<sup>(2)</sup>;
- (d) pekerja, selain Ketua Pegawai Eksekutif dan pengarah hendaklah berlainan daripada syarikat atau PLT berkaitannya<sup>(2)</sup>;
- (e) bukan merupakan hasil percantuman atau pemerolehan melebihi satu syarikat atau PLT yang mempunyai modal berbayar syer biasa atau sumbangan modal tidak melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi suatu TT dan pendapatan kasar daripada punca perniagaan tidak melebihi RM50 juta dalam tempoh asas tersebut; dan
- (f) bukan suatu perkongsian atau syarikat yang telah diubah menjadi PLT mengikut seksyen 29 atau 30 APLT.

(1) Takrifan memulakan operasi di bawah subseksyen 21A (8) ACP adalah terpakai bagi penentuan permulaan operasi perniagaan.

(2) Syarikat atau PLT berkaitan adalah suatu syarikat atau PLT.

6.5.4. Kegagalan untuk memenuhi kriteria yang ditetapkan bagi suatu TT akan menyebabkan syarikat dan PLT tersebut hilang kelayakan untuk menuntut rebat cukai bagi TT berkenaan dan tahun-tahun taksiran berikutnya. **Contoh 17** menerangkan senario bagi pematuhan syarat dan kelayakan tuntutan rebat cukai yang diilustrasikan dalam **Lampiran 1**.

6.5.5. Sekiranya amaun rebat cukai melebihi jumlah cukai yang dikenakan dalam suatu TT, lebihan rebat cukai tersebut akan diabaikan. Ini bermaksud lebihan rebat cukai tidak akan dibayar balik atau digunakan sebagai kredit untuk ditolak daripada tanggungan cukai syarikat dan PLT untuk TT berkenaan atau tahun-tahun taksiran berikutnya.

### Contoh 18

Proxima Delicacy Sdn Bhd (PDSB) adalah syarikat mastautin dan diperbadankan di Malaysia. PDSB memulakan operasi perniagaan penyediaan makanan pada 22.3.2021. Tempoh kewangan PDSB yang pertama berakhir pada 31.3.2022. PDSB memenuhi semua syarat-syarat untuk tuntutan rebat cukai di bawah seksyen 6D ACP.

| <b>Butiran</b>                                   | <b>TT 2022<br/>RM</b> | <b>TT 2023<br/>RM</b> |
|--------------------------------------------------|-----------------------|-----------------------|
| Pendapatan berkanun perniagaan                   | 105,000               | 400,000               |
| Perbelanjaan operasi                             | 60,000                | 170,000               |
| Perbelanjaan modal                               | 50,000                | 150,000               |
| Pendapatan berkanun sewa<br>(perenggan 4(d) ACP) | 10,000                | 20,000                |

Pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai PDSB bagi TT 2022 dan TT 2023 adalah seperti berikut:

| <b>Pengiraan Cukai</b>                                  | <b>TT 2022<br/>RM</b> | <b>TT 2023<br/>RM</b> |
|---------------------------------------------------------|-----------------------|-----------------------|
| Pendapatan berkanun perniagaan                          | 105,000               | 400,000               |
| Pendapatan berkanun sewa                                | 10,000                | 20,000                |
| <b>Pendapatan yang boleh dikenakan cukai</b>            | <b>115,000</b>        | <b>420,000</b>        |
| Cukai pendapatan dikenakan:<br>RM115,000 @ 17%          | 19,550.00             |                       |
| RM150,000 yang pertama @ 15%                            |                       | 22,500.00             |
| RM270,000 yang seterusnya @ 17%                         |                       | 45,900.00             |
|                                                         | <b>19,550.00</b>      | <b>68,400.00</b>      |
| Tolak: Rebate cukai seksyen 6D ACP<br>(terhad RM20,000) | (20,000.00)           | (20,000.00)           |
| <b>Cukai kena dibayar</b>                               | <b>Tiada</b>          | <b>48,400.00</b>      |

Lebih rebat cukai sebanyak RM450 (RM20,000 – RM19,550) yang tidak dapat diserap bagi TT 2022 tidak boleh dibayar balik atau digunakan sebagai kredit untuk tahun-tahun taksiran berikutnya.

**6.6. Pengecualian anggaran cukai kena dibayar**

6.6.1. Syarikat, PLT, badan amanah dan koperasi dikehendaki mengemukakan anggaran cukai kena dibayar dan membuat bayaran ansuran seperti yang telah diperuntukkan dalam seksyen 107C ACP. Anggaran cukai kena dibayar bagi suatu TT hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan iaitu Borang Anggaran Cukai Kena Dibayar (Borang CP204) dan dikemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri melalui medium elektronik tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas bagi suatu TT.

Anggaran cukai yang kena dibayar yang telah dikemukakan hendaklah dibayar secara ansuran bulanan yang sama yang ditentukan mengikut bilangan bulan dalam tempoh asas bagi TT berkenaan. Syarikat, PLT, badan amanah dan koperasi dikehendaki mematuhi pembayaran ansuran di bawah seksyen 107C ACP mengikut CP204 dan CP204A. Kegagalan mematuhi pembayaran ansuran ini akan mengakibatkan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(9) ACP.

6.6.2. Peruntukan subseksyen 107C(4A) ACP memberi kelonggaran daripada pengemukaan anggaran cukai kepada syarikat yang:

- (a) bermastautin dan diperbadankan di Malaysia;
- (b) baharu memulakan operasi;
- (c) tidak memiliki atau dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat berkaitan yang mempunyai modal saham biasa berbayar lebih daripada RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi TT; dan
- (d) mengekalkan modal berbayar syer biasa tidak melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas dan juga pada permulaan tempoh asas bagi dua (2) TT berikutnya. Mulai TT 2024, syarikat atau PLT yang dimiliki lebih daripada 20% modal berbayar syer biasa syarikat atau sumbangan modal berbayarnya pada permulaan tempoh asas bagi TT secara langsung atau tidak langsung oleh satu atau lebih syarikat asing yang diperbadankan di luar Malaysia atau oleh satu atau lebih individu yang bukan warganegara Malaysia, tidak layak menikmati kelonggaran daripada pengemukaan anggaran cukai.

### **Contoh 19**

Quantum Leap Sdn Bhd (QLSB) ialah syarikat bermastautin dan diperbadankan di Malaysia pada 1.10.2020 dengan modal berbayar syer biasa berjumlah RM1.8 juta. QLSB dijangka memulakan perniagaan pada 1.1.2021. Tahun kewangan QLSB berakhir pada 31 Disember.

QLSB layak dikecualikan daripada mengemukakan anggaran cukai di bawah subseksyen 107C(4A) ACP bagi TT 2021 dan TT 2022.

6.6.3. Pengecualian ini tidak terpakai kepada:

- (a) syarikat yang mempunyai modal berbayar syer biasa tidak melebihi RM2.5 juta yang bertukar kepada PLT yang mempunyai sumbangan modal tidak melebihi RM2.5 juta (walaupun perniagaan dianggap berterusan);
- (b) PLT yang baharu memulakan dan mempunyai sumbangan modal tidak melebihi RM2.5 juta; atau

### **Contoh 20**

Half Life PLT (HPLT) ialah PLT bermastautin dan diperbadankan di Malaysia pada 1.10.2019 dengan sumbangan modal berjumlah RM2.2 juta. HPLT dijangka memulakan perniagaan pada 1.7.2020 dan tempoh kewangan berakhir pada 30 Jun.

HPLT tidak layak dikecualikan daripada mengemukakan anggaran cukai di bawah subseksyen 107C(4A) ACP bagi TT 2021. Peruntukan subseksyen 107C(4A) ACP adalah khusus bagi syarikat yang mempunyai modal berbayar syer biasa tidak melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi suatu TT.

Oleh itu, peruntukan tersebut tidak terpakai bagi mana-mana PLT, sama ada syarikat yang bertukar kepada PLT (walaupun perniagaan dianggap berterusan) atau PLT baharu yang mempunyai sumbangan modal tidak melebihi RM2.5 juta.

- (c) suatu amanah perniagaan atau syarikat bermaksud khas yang ditubuhkan bagi penerbitan sekuriti bersandarkan aset dalam transaksi penssekuritan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti walaupun ia mempunyai modal berbayar syer biasa tidak melebihi RM2.5 juta.

- 6.7. Potongan cukai bagi perbelanjaan berhubung dengan pemeliharaan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG)
- 6.7.1. PMKS yang bermastautin di Malaysia layak menuntut potongan cukai bagi perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengan ESG dalam TT 2024 hingga TT 2027 di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Pemeliharaan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus) 2025 [P.U.(A) 193/2025] terhad kepada RM50,000 bagi setiap TT.
- 6.7.2. Perbelanjaan berhubung dengan ESG yang dibenarkan potongan adalah:
- (a) fi perundingan bagi pembangunan perisian khas untuk pelaksanaan e-Invois dalam perniagaan; dan
  - (b) perkhidmatan penyedia perkhidmatan luar yang berkaitan dengan pelaksanaan e-Invois.
- 6.7.3. Walau bagaimanapun, potongan ini tidak termasuk:
- (a) perbelanjaan yang dilakukan di peringkat perancangan atau prosedur awal bagi penyediaan perisian khas tersebut; dan
  - (b) fi perundingan yang berkaitan dengan pengeluaran e-Invois melalui Portal MyInvois.
- 6.7.4. Potongan bagi perbelanjaan berhubung ESG tidak terpakai jika dalam tempoh asas bagi suatu TT PMKS tersebut:
- (a) telah membuat tuntutan potongan di bawah seksyen 33 ACP;
  - (b) telah diberikan pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) ACP; atau
  - (c) telah membuat tuntutan potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah lain yang dibuat di bawah seksyen 154 ACP.

## **7. Penafian**

Contoh-contoh dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

**LAMPIRAN 1**

**Contoh 17**

| Senario        | Tarikh Mula Operasi | Tempoh Asas Pertama   | Pematuhan Syarat |         |         |             |         | Kelayakan Tuntutan Rebat Cukai                                                                                                                                                                                                                 |
|----------------|---------------------|-----------------------|------------------|---------|---------|-------------|---------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                |                     |                       | TT 2020          | TT 2021 | TT 2022 | TT 2023     | TT 2024 |                                                                                                                                                                                                                                                |
| Lima Sdn Bhd   | 1.7.2020            | 1.7.2020 – 31.12.2020 | Tidak patuh      | Patuh   | Patuh   | Tidak layak |         | Peruntukan hanya berkuat kuasa mulai TT 2021 bagi tempoh tiga (3) TT berturut-turut daripada tarikh mula operasi. Oleh itu tidak layak menuntut rebat cukai TT pertama beroperasi iaitu TT 2020. Hanya layak untuk TT 2021 dan TT 2022 sahaja. |
| Mike PLT       | 3.9.2020            | 3.9.2020 – 31.12.2021 |                  | Patuh   | Patuh   | Patuh       |         | Layak untuk TT 2021, TT 2022 dan TT 2023.                                                                                                                                                                                                      |
| Oscar Sdn Bhd  | 1.7.2021            | 1.7.2021 – 31.12.2021 |                  | Patuh   | Patuh   | Tidak patuh |         | Layak untuk TT 2021 dan TT 2022. Tidak layak untuk TT 2023.                                                                                                                                                                                    |
| Quebec Sdn Bhd | 9.7.2021            | 9.7.2021 – 30.6.2022  |                  |         | Patuh   | Tidak patuh | Patuh   | Layak untuk TT 2022 sahaja. Tidak layak untuk TT 2023 dan TT 2024.                                                                                                                                                                             |